



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI PERPADUAN NEGARA

### HARI THAIPONGGAL PLATFORM ERATKAN PERPADUAN NEGARA

Saya dan seluruh warga kerja Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ingin mengucapkan Selamat Hari Thaiponggal kepada seluruh komuniti Tamil yang menyambutnya di Malaysia bersempena bulan menuai hasil tanaman padi.

Perayaan ini menandakan permulaan bulan Thai dalam kalendar Tamil. Ponggal dalam bahasa Tamil bererti "melimpah-ruah." Ucapan "*Thai Pirandhal Vazhi Pirakkum*" bererti "permulaan bulan Thai membuka peluang baru" sering diucap berkait dengan perayaan hari Thaiponggal.

Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan pelbagai agama, bangsa, ras dan budaya. Justeru perayaan ini bukan asing di sini, dan saya menyeru agar seluruh rakyat dapat mengeratkan perpaduan dan persefahaman dalam kalangan kita dengan harapan bahawa sambutan ini membawa satu permulaan yang baharu bagi Malaysia MADANI yang lebih aman dan harmoni. Kepelbagaian rakyat adalah kekuatan kita, yang juga selari dengan tema Kementerian iaitu "Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian".

Saya mendoakan semoga tahun ini seluruh rakyat Malaysia diberikan keceriaan, kesejahteraan, dan kesihatan yang baik serta rezeki yang bertambah untuk semua.

Ponggal Vaalthukal

**YB DATUK AARON AGO DAGANG**  
**MENTERI PERPADUAN NEGARA**  
**15 JANUARI 2024**